

Mini Sport Fiesta FBA terima sambutan hangat

Julai 5, 2023 @ 5:14pm



Program dianjurkan mahasiswa Kursus Pengurusan Projek, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dengan kerjasama Kelab Diploma Pengurusan Industri Sukan berjaya menarik pelbagai tajaan pihak swasta dan individu.

SHAH ALAM: Mini Sport Fiesta FBA menerima sambutan hangat dengan membabitkan lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Universiti Selangor (UNISEL) menyertai program sukan yang menguji ketahanan mental dan fizikal itu, semalam.

Bertempat di Dewan Pro-Canselor UNISEL, Shah Alam, program yang dianjurkan mahasiswa daripada Kursus Pengurusan Projek, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dengan kerjasama Kelab Diploma Pengurusan Industri Sukan turut berjaya menarik pelbagai tajaan pihak swasta dan individu.

Antara yang menjadi penaja bagi edisi julung kali ini adalah seperti Farm Fresh, Sevenlicious, Fama, Chicken Rice Guys, Ciptamas Consult Sdn Bhd, McDonald dan Mohd Ridwan Mohd Musa.

Mengulas lanjut mengenai penganjuran, Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Dr Zaharuzaman Jamaluddin dalam ucapan perasmianya berkata:

"Pemupukan kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa universiti amat perlu dititik beratkan dalam melahirkan individu yang berdedikasi, berkaliber, berperwatakan menarik dan sekali gus dapat menonjolkan potensi pelajar untuk menjadi pemimpin di masa hadapan."

Majlis perasmian Mini Sport Fiesta FBA yang menggunakan slogan 'Bersatu Kita Berdiri' turut dihadiri Timbalan Dekan Lepasan Pascasiswazah, Professor Madya Dr Kamisah Supian; Timbalan Dekan Pembangunan&Sumber Pelajar, Norliana Ahmad Shah dan barisan pensyarah.

Sebanyak tiga jenis aktiviti dianjurkan antaranya Amazing Race, Street Soccer dan sukaneka. Menerusi program ini, pelajar dan kakitangan UNISEL dapat menjalankan silaturahim dan perpaduan tanpa mengira perbezaan umur, bangsa dan agama seiring dengan matlamat kerajaan melahirkan Masyarakat Madani.

Pengarah program, Arvin Raj; Timbalan Dekan Akademik, Dr Zaharuzaman Jamaludin; Timbalan Dekan Pascasiswazah Prof Madya Dr Kamisah Supian dan Penasihat Program, Nafiza Mahayuddin pada majlis perasmian.